

# PEMBAHARUAN PENDAFTARAN KUMPULAN

Adalah dimaklumkan bahawa semua Pemimpin Kumpulan bertanggungjawab memastikan pembaharuan pendaftaran kumpulan dan keahlian setiap pengakap masing-masing bagi setiap tahun dijalankan. Untuk memastikan proses ini dijalankan dengan lancar, pihak tuan / puan diminta supaya mengikut langkah-langkah yang berikut:

---

## LANGKAH PERTAMA

---

Jalankan proses pendaftaran di peringkat kumpulan untuk mendapatkan maklumat ahli-ahli Pengakap yang berikut:

- i. Nama penuh ahli
- ii. Tarikh Lahir
- iii. Nombor Kad Pengenalan
- iv. Kaum
- v. Jantina
- vi. Agama
- vii. Alamat Rumah (termasuk poskod)
- viii. Nama Ibu / Bapa / Penjaga
- ix. Pangkat dalam kumpulan

Tuan / puan boleh menggunakan borang kumpulan sendiri atau borang berikut yang boleh didapatkan daripada laman web kami [www.petalingscouts.org](http://www.petalingscouts.org) :

- » Borang Pendaftaran Ahli Pengakap PKK, PM & PR (Individu)
- » Borang Pendaftaran Ahli Dewasa (Individu)

---

## LANGKAH KEDUA

---

Muat turun **Borang Pendaftaran PPM 20xx** daripada [www.petalingscouts.org](http://www.petalingscouts.org)

Pastikan anda menamakan tahun fail anda dengan betul (contoh: 2019, 2022, 2026).

Fail yang dimuat turun seharusnya dibuka dengan menggunakan Microsoft Excel.


---

## LANGKAH KETIGA

---

Lengkapkan borang tersebut mengikut panduan berikut:

- i. Namakan fail yang telah dimuat turun mengikut nombor kumpulan anda:



- ii. Selepas itu, buka fail tersebut dan pastikan anda berada dalam helaian PPM1A seperti yang dilihat di bawah:



- iii. Isikan maklumat (No. Kumpulan, No. Pendaftaran, Nama Sekolah, Telefon Sekolah & Poskod Sekolah) di ruang atasan helaian PPM1A seperti berikut:

The image shows the top part of an Excel spreadsheet with the following data:

PENDAFTARAN AHLI BAGI TAHUN 2011			
Kumpulan :	300	No.Pendaftaran :	M-1234
Nama Sekolah:	SMK TUNKU ABDUL RAHMAN		
Telefon :	603-77123456	Poskod :	47410

A diagonal watermark 'contoh' is in the top-left corner.

- iv. Isikan butir-butir bagi setiap Pemimpin Pengakap. Contoh telah disediakan dalam barisan pertama. Gantikan contoh tersebut dengan butir-butir sendiri. Pemimpin Kumpulan biasanya Ketua Guru Pengakap. Pemimpin dan Penolong Pemimpin biasanya terdiri daripada guru-guru Pengakap lain dan Pemimpin sukarelawan.

0					
1	contoh	PEMIMPIN			
2		Nama Penuh (Huruf Besar)	Tarikh Lahir	No.K.P / No.S.Beranak	Ka
3		1 ABDUL RAHMAN	27/3/1964	640327125535	M
4					
5					
6					

- v. Isikan butir-butir bagi setiap Pengakap Kanak-kanak / Muda / Remaja. Contoh telah disediakan dalam barisan pertama. Gantikan contoh tersebut dengan butir-butir ahli-ahli Pengakap di kumpulan anda.

3					
4	contoh	PENGAKAP			
5		Nama Penuh (Huruf Besar)	Tarikh Lahir	No.K.P / No.S.Beranak	Ka
6		1 ABDUL RAZAK	16/8/1995	950816105453	M
7					
8					
9					

- vi. Isikan butir-butir bagi setiap Ahli Biasa (*layman*). Contoh telah disediakan dalam barisan pertama. Gantikan contoh tersebut dengan butir-butir ahli-ahli biasa (*layman*) di kumpulan anda.

0					
1					
2	contoh	AHLI BIASA			
3		Nama Penuh (Huruf Besar)	Tarikh Lahir	No.K.P / No.S.Beranak	Ka
4		1 HUSSEIN ONN	13/10/1955	551013105459	M
5					
6					
7					

- vii. Selepas anda siap, semak butir-butir Pengakap semula dan teruskan ke helaian PPM1B seperti di bawah:

26					
27					
28	contoh	BERKAITAN : Bersama-sama ini disertakan Cek/Kiriman Wang/ Wang Pos			
29					
30		No : .....		bernilai .....	
31					
32					
33		Tarikh :			
34		PPM1A	PPM1B	PPM1C	PPM1D
35				PPM1E	SEMAKAN


viii. Kira bilangan Pengakap mengikut unit Pengakap, jantina dan kaum lalu isikan di ruangan yang disediakan:

Kur						
1 Pengakap Kanak-kanak						
2 Pengakap Muda	20	15	15	8	6	
3 Pengakap Remaja	15	8	11	11	12	
4 Pengakap Kelana						
5 Penolong Pemimpin			2			
6 Pemimpin	3					

ix. Bilangan Pengakap akan dijumlahkan secara automatik. Jumlah akhir yang perlu dibayar akan terpapar di sini:

		41	23	64	3.00	192.00
		38	19	57	5.00	285.00
		2	0	2	5.00	10.00
		2	0	2	5.00	10.00
		0	0	0	5.00	0.00
0	0	0	83	42	125	507.00

x. Akhir sekali, *save* fail anda. Tahniah, anda hampir selesai!



## LANGKAH KEEMPAT

Sediakan **Cek** mengikut jumlah bayaran yang diperlukan di atas nama **Majlis Pengakap Daerah Petaling**. Selain itu, **online banking** juga boleh dibuat kepada **CIMB Bank 8002182038** atas nama yang sama. Semua bukti bayaran seperti resit bayaran, salinan Cek dan sebagainya juga mesti dihantar.

Kadar bayaran pendaftaran tahunan baru yang telah ditetapkan oleh PPM adalah seperti berikut:

- i. Kumpulan: RM 10.00\*
- ii. Ahli Pengakap Kanak-kanak, Muda dan Remaja: RM7.00
- iii. Ahli Pengakap Kelana: RM10.00
- iv. Pemimpin, Penolong Pemimpin dan Ahli Biasa: RM10.00

\*Kumpulan-kumpulan yang telah mendaftar pada tahun sebelum ini dikecualikan.

(Contoh: Kumpulan 100 Petaling telah mendaftar pada tahun lepas. Pada tahun ini, yuran RM 10.00 yang dikenakan untuk Yuran Kumpulan dikecualikan)

Borang Pendaftaran Excel yang telah dilengkapkan akan mengira jumlah bayaran yang dikehendaki secara automatik tetapi pihak tuan / puan boleh menyemak semula untuk memastikan jumlah bayaran adalah tepat.

---


## LANGKAH KELIMA

---

Hantar fail excel PPM-20XX-(XX-Petaling).xls kepada

**petalingscouts@gmail.com** dan **ngooj@yahoo.com** seperti berikut:

**PENTING:** Namakan fail dengan baik (contoh: **PPM-2019-(50-Petaling).xls**)



Pastikan anda mengisikan Perkara (*Subject*) dalam e-mel tersebut

dengan **Pendaftaran 20XX – XX Petaling** seperti yang dilihat di contoh di atas.

Gantikan XX dengan tahun pendaftaran dan juga nombor Kumpulan Pengakap anda.

Contoh Perkara: **Pendaftaran 2019 – 50 Petaling**

(untuk pendaftaran pada tahun 2019 bagi Kumpulan Pengakap ke-50 Petaling)

Tuan / puan juga diingatkan untuk menyertakan bukti bayaran dalam e-mel tersebut.

---

## LANGKAH TERAKHIR

---

Bayaran secara cek / tunai / bukti online banking boleh dihantarkan kepada:

**Penolong Pesuruhjaya Pengakap (Pentadbiran)**

Encik Ngoo Kee Min

No. Telefon: 012-366 8090

Lokasi: SR Sri Kuala Lumpur.

Sila aturkan temu janji terlebih dahulu.

---

## LAIN-LAIN

---

Kumpulan-kumpulan digalakkan mendaftar **sebelum 31hb Mac pada setiap tahun.**

Tarikh tutup pendaftaran yang telah ditetapkan oleh PPM Daerah Petaling ialah selewat-lewatnya pada 30hb April setiap tahun, tetapi jika pendaftaran dilaksanakan awal maka proses Kad-kad Keahlian Pengakap dapat diselesaikan secepat mungkin.

Dengan penjelasan di atas, kerjasama dan tindakan awal daripada semua pihak untuk menjalankan pendaftaran kumpulan masing-masing adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih. Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di [www.facebook.com/petalingscouts](https://www.facebook.com/petalingscouts).